

Trend Kajian Bahasa Melayu Brunei: Analisis Bibliometrik

Trend of Brunei Malay Language Studies: Bibliometric Analysis

Lalu Nurul Yaqin*
lalu.yaqin@ubd.edu.bn

Badriyah Yusof
Badriyah.yusof@ubd.edu.bn

Norazmie Yusof
Norazmie.yusof@ubd.edu.bn

Ifwah Fauzani Chuchu
Fauzani.chuchu@ubd.edu.bn

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam
Jalan tungku Link Gadong, BE1410

Published: 30 December 2023

To cite this article (APA): Yaqin, L. N., Yusof, B., Yusof, N., & Chuchu, I. F. (2023). Trend Kajian Bahasa Melayu Brunei: Analisis Bibliometrik. *PENDETA*, 14(2), 185–200. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.15.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.15.2023>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis arah aliran ataupun trend berkenaan kajian terhadap Bahasa Melayu Brunei dalam tempoh satu dekad yang lalu (2013 - 2022). Dengan memanfaatkan kaedah analisis bibliometrik khususnya aplikasi *VOSviewer*, kajian ini menganalisis maklumat penyelidikan dan penerbitan makalah-makalah yang direkodkan di dalam pangkalan data *Scopus*. Kajian ini berpandukan medan pencarian (*topic area*) ‘tajuk’, ‘abstrak’ dan ‘kata kunci’ sebagai rujukan. Hasil kajian mendapati sebanyak 482 artikel telah ditemui dalam pangkalan data *Scopus* yang diakses pada 08 Mei 2023. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan penerbitan ‘Bahasa Melayu Brunei’ yang signifikan bermula dari tahun 2013 sehingga 2022, dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) selaku penyumbang penerbitan terbanyak berbanding institusi tinggi yang lain. Kata kunci ‘Melayu Brunei’ dan ‘*Brunei English*’ pula tersenarai sebagai kata kunci utama dalam penerbitan berindeks *Scopus* ini. Kajian ini memberikan gambaran bukan sahaja tentang trend dan perkembangan penyelidikan kebahasaan yang berkaitan dengan bahasa Melayu Brunei malah juga hubungannya dalam jaringan yang lebih luas sama ada dari segi tajuk perbincangan, bentuk penerbitan, tajuk penyelidikan, senarai penerbit dan jaringan penulis. Dari segi kepentingan, kajian ini boleh dijadikan sebagai titik rujukan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan bahasa Melayu Brunei terutama sekali dalam memahami dan memantau perkembangan kajian Bahasa Melayu Brunei dalam konteks masa kini.

Kata Kunci: Bahasa Melayu Brunei; *Scopus*; Analisis Bibliometrik, *VOSviewer*

ABSTRACT

This study aims to analyse the trends and directions of research on the Brunei Malay language over the past decade (2013–2022). The study utilises bibliometric analysis, specifically the VOSviewer application, to examine research information and publication records from the Scopus database. The study focused on the search fields of 'title,' 'abstract,' and 'keywords' as references. The findings revealed a total of 482 articles that were identified in the Scopus database accessed on May 8, 2023. This indicated a significant increase in publications on 'Brunei Malay' from 2013 to 2022, with Universiti Brunei Darussalam (UBD) contributing the highest number of publications compared to other higher institutions. The keywords 'Melayu Brunei' and 'Brunei English' were listed as the primary keywords in these indexed Scopus publications. This study provided an overview of the trends and developments in linguistic research related to the Brunei Malay language and its broader network in terms of discussion topics, publication formats, research themes, publisher lists, and author networks. The significances this study can be used as a reference point for further research related to the Brunei Malay language, especially in understanding and monitoring the developments of Brunei Malay language research in the contemporary context.

Key words: *Brunei Malay Language; Scopus; Bibliometric Analysis; VOSviewer*

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu Brunei (BMB) merupakan satu daripada bahasa-bahasa Austronesia di samping bahasa Belait, Tutong, Dusun, Bisaya, Murut, Penan, Mukah dan Iban yang dituturkan di negara Brunei Darussalam, (Chuchu, 2000; Yusof & Mahali, 2019). BMB telah diangkat sebagai bahasa rasmi negara di samping turut memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat, iaitu sebagai lingua franca dalam kalangan penutur BMB dengan penutur bahasa lain di Brunei. BMB juga menjadi bahasa perantara dalam kalangan penutur BMB dengan bangsa lain seperti bangsa Cina dan India. Dalam kajian kebahasaan, pemahaman yang mendalam terhadap bahasa ini adalah penting untuk memelihara budaya, meningkatkan pendidikan, memajukan bahasa, memudah cara komunikasi efektif, dan membangun dasar serta program yang bukan sahaja berkaitan dengan bahasa Melayu di Brunei tetapi juga bahasa dan dialek lain, (Deterding & Athirah, 2017; Deterding & Ho, 2021; Haji-Othman et al., 2016, 2019; McLellan et al., 2016; Noorashid, 2021; Yusof et al., 2023).

Dari segi kebahasaan, penyelidikan terhadap BMB perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk melihat perkembangan fungsi dan peranannya dalam kerangka pembangunan sosiobudaya dan sosiopolitik tempatan dan luar negara. Seiring dengan kepentingan ini, kajian ini akan meneliti arah aliran ataupun trend penyelidikan terhadap BMB berpandukan kaedah analisis bibliometrik. Analisis bibliometrik merupakan kaedah untuk mengumpulkan dan menganalisis data bibliografi dari penerbitan ilmiah (Yaqin, 2023; Effendi et al., 2021; Van Eck & Waltman, 2013; Van Eck & Waltman, 2010), dalam bentuk karya yang diterbitkan, penulis dan institusi yang terlibat, serta penyelidikan taburan geografi. Selain itu, analisis ini juga dapat memberikan pemahaman tentang kata kunci yang kerap digunakan, di samping melihat tema penyelidikan yang dominan serta penerbitan dan penulis yang kerap dipetik (Sun et al., 2021; Van Eck & Waltman, 2010).

Analisis bibliometrik terhadap penyelidikan berkenaan BMB dapat menyediakan maklumat berharga mengenai keadaan semasa dalam bidang berkenaan, seperti jumlah karya yang diterbitkan, pengarang dan institusi yang terlibat, dan penyebaran geografi penyelidikan. Ini juga dapat memberi pandangan tentang kata kunci yang paling kerap digunakan, tema, kaedah, dan karya serta pengarang yang sering dikutip. Selain itu, analisis bibliometrik boleh digunakan untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan penyelidikan lanjut, seperti kawasan, tema, atau populasi yang kurang diwakili. Ini sangat berharga bagi penggubal dasar kerana ia diyakini dapat membimbing pembentukan dasar dan program khusus selain merapatkan jurang kajian BMB.

METODOLOGI

Dari segi metodologi, kajian berbentuk kuantitatif ini akan memanfaatkan aplikasi *VOSViewer* untuk menganalisis dan memvisualisasikan jaringan ko-sitasi (*co-citation*). Aplikasi ini mempunyai pelbagai bentuk analisis yang melibatkan petikan (*citation*), petikan jurnal (*journal citation*) dan analisis kata kunci (*keyword analysis*) untuk melihat hubungan kait antara konsep, perkembangan dalam literatur akademik dan trend penyelidikan semasa dan masa depan dalam sesuatu bidang mahupun ranah, contohnya kesihatan (Hamidah et al., 2020). *VOSviewer* menggunakan algoritma khusus untuk mengenal pasti kluster atau kelompok kata kunci yang sering muncul bersama. Kluster ini ditampilkan dalam bentuk visualisasi untuk memperlihatkan hubungan antara dokumen yang dianalisis dengan konteks yang menjadi dasar penyelidikan berkenaan.

Dalam kajian ini data diambil daripada pangkalan data *Scopus* berdasarkan kemampuannya untuk menyediakan liputan yang lebih luas, jangkauan global, menjejak petikan, kemampuan carian dan analisis yang canggih. Selain itu, jaminan kualiti, integrasi dengan alat lain dan metrik prestasi penyelidikan juga dapat kaji (Falagas et al., 2008; Tober, 2011). Selain mempunyai cakupan yang luas merentasi bidang penyelidikan dan disiplin ilmu, *Scopus* juga menyediakan metrik kuantitatif berupa indeks kutipan (*citation index*), indeks-h (*h-index*), dan faktor impak jurnal (*journal impact factor*) yang boleh digunakan untuk memahami proses penilaian artikel secara menyeluruh. Ciri-ciri ini secara tidak langsung turut menjadikan *Scopus* sebagai sumber yang berharga bagi penyelidik yang menjalankan analisis bibliometrik agar landskap ilmiah sedia ada dapat dimanfaatkan dengan lebih tuntas.

Dari segi pengutipan data, sebanyak 482 artikel berkaitan kajian BMB yang diterbitkan antara tahun 2013 dan 2022 telah diambil daripada pangkalan data *Scopus* pada 8 Mei 2023 bagi tujuan penganalisan. Untuk tujuan praktikaliti analisis data ini akan ditukar ke dalam format *.ris sebelum dimasukkan ke dalam aplikasi *VOSviewer* untuk analisis trend dalam bentuk peta bibliometrik yang melibatkan judul artikel, judul jurnal, tahun penerbitan, kata kunci, abstrak, petikan dan sebagainya (Van Eck & Waltman, 2010). Menerusi peta bibliometrik ini, ciri umum dalam bidang BMB dapat dikenal pasti mencakupi trend penerbitan, tempat penerbitan utama, penulis, bahasa yang digunakan, dan penyebaran geografi penyelidikan. Selain itu, jaringan ko-sitasi dan daftar frekuensi ko-sitasi jurnal juga akan dapat dihasilkan bagi memproses informasi bibliometrik yang berkaitan. Analisis ini juga hanya akan menghadkan kepada kata kunci dan rangkaian carian 'Brunei Malay' dan akan memfokuskan kepada trend kajian berkaitan BMB selama satu dekad terakhir (2013-2022).


DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Menerusi analisis yang telah dijalankan, dapatan kajian ini akan dibincangkan berdasarkan: jenis dokumen, jenis sumber, bahasa perantaraan, tahun penerbitan, afiliasi institusi penulis, jumlah penerbitan, senarai nama penulis dan jumlah terbitan, tempat terbitan, serta jaringan penulis.

Jenis Dokumen (*Document Type*)

Bahagian ini menganalisis jenis dokumen berkenaan BMB yang telah diterbitkan. Analisis ini mendapati daripada 482 naskah berkaitan yang telah diterbitkan, tujuh jenis dokumen telah dikenal pasti, iaitu (1) artikel atau karya tulisan ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal atau penerbitan serupa, (2) bab buku, iaitu bahagian yang ditulis oleh penulis berbeza dan memfokuskan pada topik tertentu, (3) buku, selaku karya tulis yang lebih meluas dan umumnya terdiri dari beberapa bab, (4) ulasan, termasuk tinjauan kritis terhadap buku, artikel, atau karya lain, (5) makalah persidangan, iaitu karya tulis ilmiah dan turut dibentangkan dalam sesuatu persidangan atau pertemuan ilmiah, (6) editorial, berupa pendapat atau pandangan editor mengenai sesuatu topik mahupun peristiwa dalam penerbitan tertentu, dan (7) catatan, iaitu tulisan catatan singkat atau artikel yang memberikan informasi penting dan ringkasan perihal suatu topik. Rajah 1 dan

Jadual 1 memberikan gambaran tentang jenis-jenis penerbitan mengikut jenis dokumen yang ada dalam kumpulan data tersebut;



Carta 1: Jenis Dokumen

Jenis Dokumen	Jumlah Penerbitan	Peratusan (%)
<i>Artikel</i>	257	53.3%
<i>Bab Buku</i>	131	27.2%
<i>Buku</i>	48	10.0%
<i>Ulasan</i>	32	6.6%
<i>Makalah Persidangan</i>	7	1.5%
<i>Editorial</i>	6	1.2%
<i>Nota</i>	1	0.2%
Jumlah	482	100.00


Jadual 1: Frekuensi Jenis Dokumen

Menerusi infografik ini (Rajah 1 dan Jadual 1), artikel merupakan jenis penerbitan yang paling dominan (257 naskah bersamaan 53% daripada jumlah keseluruhan). Jumlah ini merupakan jumlah terbanyak jika dibandingkan dengan dokumen yang ada dalam penerbitan *Scopus*, dan merupakan jumlah yang signifikan dari segi tumpuan penyelidikan dan sumbangan akademik. Jenis dokumen ini seterusnya diikuti oleh bab buku (27.2% iaitu sebanyak 131 naskah), buku (10% iaitu sebanyak 48 naskah), ulasan (32 dokumen), makalah persidangan (1.5% iaitu sebanyak 7 naskah), dan editorial (6 naskah bersamaan 1.2% daripada jumlah keseluruhan dokumen). Jenis dokumen yang tidak menonjol dan kurang popular pula ialah dokumen jenis catatan yang memperlihatkan peratus terkecil iaitu hanya 0.2% sahaja, bersamaan 1 naskah. Informasi ini dapat memberikan gambaran tentang jenis penerbitan yang paling menonjol, kurang menonjol dan sumbangan para pengkaji mengikut jenis-jenis dokumen BMB.

Jenis Sumber

Dalam kajian ini, jenis sumber merujuk kepada jenis sumber penerbitan bagi 482 naskah BMB dalam masa satu dekad. Analisis mendapati sebanyak empat jenis sumber penerbitan dokumen, iaitu (1) jurnal, iaitu penerbitan berkala yang mengandungi artikel ilmiah yang ditinjau oleh para ahli dalam bidang berkenaan, (2) buku, atau karya penulisan yang lebih luas dan umumnya memiliki struktur yang tersusun dengan bab

yang berbeza, (3) buku bersiri, iaitu penerbitan buku secara bersiri, dan (4) prosiding persidangan, iaitu kumpulan makalah yang dibentangkan dalam persidangan atau pertemuan ilmiah. Rajah 2 dan Jadual 2 memperlihatkan jenis sumber tempat dokumen BMB diterbitkan;



Carta 2: Jenis Sumber


Jenis Sumber	Jumlah Penerbit	Peratusan (%)
Jurnal	288	59.8%
Buku	137	28.4%
Buku Bersiri	53	11.0%
Prosiding Persidangan	4	0.8%
Jumlah	482	100.00

Jadual 2: Frekuensi Jenis Sumber

Menerusi Rajah 2 dan Jadual 2, sebanyak 288 naskah jurnal bersamaan dengan 59.8% dan sebanyak 137 naskah buku atau 28.4% daripada jumlah keseluruhan sumber penerbitan telah dikenalpasti. Selanjutnya bagi buku bersiri, sebanyak 53 naskah, iaitu 11.0% telah diperolehi. Terakhir ialah prosiding persidangan (*conference proceeding*), iaitu sebanyak 4 naskah prosiding persidangan atau dengan peratus terkecil, iaitu 0.8% sahaja. Hasil penyelidikan memperlihatkan jurnal merupakan jenis penerbitan yang paling dominan, diikuti oleh buku dan buku bersiri. Jenis sumber penerbitan yang kurang menonjol pula ialah prosiding persidangan. Informasi ini dapat memberikan gambaran tentang jenis sumber yang paling menonjol, kurang menonjol dan sumbangan para pengkaji dalam bidang BMB mengikut jenis sumber di mana dokumen-dokumen tersebut diterbitkan.

Jenis Bahasa

Analisis dalam bahagian ini adalah untuk mengenal pasti jenis bahasa perantaraan yang digunakan dalam 482 naskah BMB dalam masa satu dekad. Menerusi Rajah 3 dan Jadual 3, terdapat 6 jenis bahasa yang digunakan iaitu: (1) bahasa Inggeris, (2) bahasa Melayu, (3) bahasa Sepanyol, (4) bahasa Arab, (5) bahasa Perancis, dan (6) bahasa Indonesia.



Carta 3: Jenis Bahasa


Bahasa	Jumlah Penerbitan	Peratusan (%)
Inggeris	450	93.4%
Melayu	28	5.8%
Arab	2	0.4%
Spanyol	2	0.4%
Perancis	2	0.4%
Indonesia	1	0.2%
Jumlah	482	100.00

Jadual 3: Frekuensi Jenis Bahasa

Rajah 3 dan Jadual 3 memperlihatkan sebanyak 450 naskah dokumen (93.4%) dihasilkan dalam bahasa Inggeris. Jumlah ini terlalu dominan dan ini menunjukkan para penulis dan pengkaji BMB lebih cenderung menghasilkan penulisan dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu merupakan pilihan kedua tertinggi iaitu sebanyak 28 naskah dokumen (5.8%). Jurang perbezaan ini membuktikan bahawa penulisan dalam bahasa Melayu adalah sangat sedikit walaupun BMB mempunyai kognat yang tinggi dengan bahasa Melayu. Bahasa Arab, Sepanyol dan Perancis hanya menunjukkan sebanyak 0.4% penerbitan pada setiap satunya, iaitu serendah 2 naskah per bahasa. Manakala, hanya 1 naskah iaitu bersamaan 0.2% daripada jumlah keseluruhan dokumen yang diterbitkan dalam bahasa Indonesia. Secara keseluruhan, data ini memberikan gambaran jenis bahasa yang digunakan dalam menghasilkan penulisan berkaitan BMB. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling dominan kemudian diikuti oleh bahasa Melayu. Bahasa yang kurang menonjol dan popular ialah bahasa Arab, Sepanyol, Perancis dan Indonesia.

Tahun Penerbitan

Analisis data dalam bahagian ini pula memperlihatkan jumlah penerbitan dalam bidang BMB seperti yang direkodkan dari tahun ke tahun. Rajah 4 dan Jadual 4 masing-masing merekodkan trend penerbitan kajian berkenaan BMB dalam tempoh 10 tahun terakhir iaitu dari tahun 2013 sehingga 2022.



Carta 4: Jumlah Penerbitan

Tahun	Jumlah Penerbitan
2013	33
2014	49
2015	27
2016	79
2017	37
2018	37
2019	44
2020	47
2021	64
2022	65
Jumlah	482

Jadual 4: Frekuensi Jumlah Penerbitan Mengikut Tahun

Berdasarkan Rajah 4 dan Jadual 4, sebanyak 33 penerbitan naskah BMB telah diterbitkan pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat kepada 49 naskah pada tahun berikutnya dan memberi gambaran pertumbuhan yang positif dalam aktiviti penerbitan. Meskipun terjadi penurunan signifikan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27 naskah, tahun seterusnya mencatatkan perkembangan positif dengan lonjakan sebanyak 79 naskah. Lonjakan ini merupakan pertumbuhan yang tinggi dalam penerbitan pada tahun tersebut. Sehingga tahun 2017 dan 2018, jumlah penerbitan terlihat stabil dengan 37 penerbitan. Pada tahun 2019, terdapat sedikit

peningkatan dengan 44 penerbitan dan jumlah penerbitan tetap relatif stabil pada tahun-tahun berikutnya, iaitu dengan penerbitan sebanyak 47 naskah bagi tahun 2020, 64 naskah bagi tahun 2021, dan 65 naskah bagi tahun 2022. Secara keseluruhan, dalam jangka masa 10 tahun yang diamati, jumlah penerbitan terkait BMB adalah sebanyak 482. Data ini memberikan gambaran tentang fluktuasi dan trend pada aktiviti penerbitan di sepanjang tempoh tersebut. Terdapat variasi dalam jumlah penerbitan dari tahun ke setahun, dengan beberapa tahun mengalami peningkatan signifikan dan pada tahun lainnya mengalami penurunan di samping kestabilan.

Afiliasi Institusi Penulis

Bahagian ini menyenaraikan afiliasi institusi penulis (*writer's affiliation*) yang paling produktif dalam bidang kajian berkenaan BMB. Kriteria utama dalam senarai ini dilihat pada jumlah afiliasi institusi penulis dengan penerbitan 5 naskah ke atas selama 10 tahun terakhir iaitu dari tahun 2013 sehingga 2022. Jadual 5 menyenaraikan 15 buah afiliasi institusi penulis telah dikenalpasti:

Afiliasi Institusi Penulis	Jumlah Penerbitan
Universiti Brunei Darussalam	122
Universiti Kebangsaan Malaysia	31
Universiti Malaya	28
Universiti Sains Malaysia	24
Nanyang Technological University	18
National University of Singapore	18
Universiti Malaysia Sarawak	11
Universiti Malaysia Sabah	9
National Institute of Education	8
International Islamic University Malaysia	8
Universiti Putra Malaysia	8
Universiti Teknologi MARA	7
CNRS Centre National de la Recherche Scientifique	5
The Australian National University	5
University of Cambridge	5

Jadual 5: Senarai Institusi

Jadual 5 menunjukkan senarai institusi dan jumlah penerbitan. Universiti Brunei Darussalam merupakan afiliasi institusi penulis yang paling produktif dengan 122 naskah penerbitan. Ini diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan penerbitan sebanyak 31 naskah, Universiti Malaya dengan 28 naskah, dan Universiti Sains Malaysia dengan 24 naskah penerbitan. Beberapa institusi memiliki kurang dari 20 naskah penerbitan seperti Nanyang Technological University dan National University of Singapore yang masing-masing menerbitkan 18 naskah. Manakala 11 naskah dihasilkan penulis yang berafiliasi dengan Universiti Malaysia Sarawak, kurang daripada 10 naskah masing-masing daripada Universiti Malaysia Sabah, National Institute of Education, dan selainnya.

Data ini memperlihatkan bahawa Universiti Brunei Darussalam merupakan institusi yang teraktif dan paling produktif dalam penghasilan dan penerbitan naskah penyelidikan signifikan yang terkait BMB. Ini diikuti dengan institusi dari rantau ini, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Manakala dari institusi di luar rantau ini, ialah CNRS, The Australian University dan University of Cambridge, yang merupakan institusi yang kurang produktif dan kurang menonjol.

Senarai Nama Penulis

Di samping institusi, penulis juga diambil kira dalam kajian ini. Jadual 6 merekodkan senarai sepuluh penulis yang produktif dalam bidang kajian BMB. Kriteria utama dalam senarai ini dilihat pada jumlah penerbitan sebanyak 5 naskah ke atas bagi sepuluh tahun kebelakangan (2013 sehingga 2022).

Nama Penulis	Jumlah Penerbitan
Deterding, D.	19
McLellan, J.	13
Chin, G.V.S	12
Haji-Othman, N.A	9
Ho, H.M.Y	8
Noorashid, N.	8
King, V.T.	7
Coluzzi, P.	6
Gardiner, I.A.	5
Mohd Daud, K.	5

Jadual 6: Senarai Nama Penulis

Menerusi Jadual 6, David Deterding merupakan penulis yang produktif dan aktif dalam penghasilan penulisan naskah penyelidikan berkaitan BMB, iaitu sebanyak 19 naskah penerbitan. Kajian beliau mencakupi bidang fonetik dan fonologi, terjemahan, dan sosiolinguistik. Jumlah ini diikuti James McLellan yang telah menerbitkan sebanyak 13 naskah dalam bidang sosiolinguistik, Grace V. S. Chin sebanyak 12 naskah dalam bidang kesusasteraan, dan Noor Azam Haji-Othman sebanyak 9 naskah berkaitan pembelajaran dwibahasa, perancangan bahasa, dan sosiolinguistik. Selain itu, 8 naskah penerbitan seterusnya masing-masing dihasilkan oleh Debbie Ho dan Najib Noorashid. Sementara penulis lain seperti Victor King, Paolo Coluzzi, Ishamina Gardiner dan Kathrina Mohd Daud menghasilkan sebanyak 5 hingga 7 naskah penerbitan dalam bidang pengajian Asia Tenggara, sosiolinguistik, pembelajaran bahasa, dan kesusasteraan Inggeris di Alam Melayu.

Data ini memberikan gambaran tentang sumbangan penulis tertentu dalam penerbitan yang tercatat dalam kumpulan data tersebut. Senarai nama tersebut menunjukkan penulis yang berperanan dalam jumlah penerbitan yang berbeza-beza, iaitu Deterding, McLellan, dan Chin sebagai penulis yang paling banyak membuat sumbangan. Data ini bukan saja memberikan gambaran tentang penulis yang aktif dalam pengajian berkenaan BMB tetapi juga bidang yang memanfaatkan data daripada bahasa berkenaan.

Tempat Penerbitan


Bahagian ini akan menyenaraikan tempat penerbitan dokumen penyelidikan BMB. Kriteria utama dalam senarai ini ialah jumlah penerbitan 5 naskah ke atas selama 10 tahun kebelakangan (2013 sehingga 2022). Jadual 7 memperlihatkan sebanyak 14 naskah jurnal, 3 naskah buku dan 1 naskah buku bersiri yang telah diterbitkan berdasarkan tempat penerbitan makalah:

No	Jurnal / Buku	Jumlah Penerbitan
1	Asia In Transition (Buku Bersiri)	35
2	World Englishes (Jurnal)	19
3	Gema Online Journal Of Language (Jurnal)	14
4	Use And Status Of Language In Brunei Darussalam A Kingdom Of Unexpected Linguistic Diversity (Buku)	11
5	Archipel (Jurnal)	10
6	Engaging Modern Brunei Research On Language Literature And Culture (Buku)	10
7	Pertanika Journal Of Social Sciences And Humanities (Jurnal)	10
8	Kajian Malaysia (Jurnal)	9
9	Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (Jurnal)	8
10	Indonesia And The Malay World (Jurnal)	7
11	Issues In Language Studies (Jurnal)	6
12	Journal Of Southeast Asian Studies (Jurnal)	6
13	Journal Of The International Phonetic Association (Jurnal)	6
14	Kemanusiaan (Jurnal)	6
15	Routledge Handbook Of Islam In Southeast Asia (Buku)	6
16	Asian Social Science (Jurnal)	5
17	International Journal Of The Sociology Of Language (Jurnal)	5
18	Linguistic Insights (Jurnal)	5


Jadual 7: Tajuk Jurnal / Buku / Buku Bersiri

Jadual 7 menunjukkan jumlah penerbitan ilmiah bagi bidang BMB dalam bentuk penerbitan jurnal dan buku. Penerbitan kajian BMB yang paling menonjol ialah dalam buku bersiri *Asia in Transition* iaitu sebanyak 35 naskah penerbitan, diikuti jurnal *World Englishes* sebanyak 19 naskah penerbitan, *Gema Online Journal of Language* sebanyak 14 naskah penerbitan dan buku *Use And Status Of Language In Brunei Darussalam A Kingdom Of Unexpected Linguistic Diversity* sebanyak 11 naskah penerbitan. Jurnal lain dengan terbitan sebanyak lima hingga sepuluh naskah termasuk jurnal *Archipel*, *Kajian Malaysia*, *Journal of Southeast Asian Studies* dan selainnya. Data ini memberikan gambaran tentang jumlah penerbitan yang terkait dengan jurnal-jurnal tertentu. Buku bersiri *Asia In Transition* memiliki jumlah penerbitan terbanyak, diikuti oleh jurnal-jurnal lainnya. Manakala jurnal *Asian Social Science*, *International Journal Of The Sociology Of Language* dan *Linguistics Insights* adalah antara jurnal yang kurang menonjol. Jumlah penerbitan untuk setiap judul dapat digunakan untuk mengenal pasti trend dan turun naik (*fluctuation*) mengikut tajuk buku atau jurnal yang berkenaan.

Visualisasi Menggunakan VOSviewer



Rajah. 5: Visualisasi I Tajuk VOSviewer Menggunakan *Network Visualization*




Rajah 6: Visualisasi II Tajuk VOSviewer menggunakan *Network Visualization*

Dalam bahagian ini aplikasi VOSviewer akan digunakan sebagai instrumen untuk melihat kajian BMB dengan lebih meluas. VOSviewer adalah satu aplikasi yang membolehkan penyelidik membuat visualisasi terhadap satu kumpulan topik kajian agar hubung kait kajian tersebut dapat dihubungkan dengan kajian yang lain. Data ini juga berfungsi sebagai titik rujukan penyelidikan lanjut berkaitan dengan BMB serta dapat memberikan sumbangan penting dalam memahami dan memantau trend perkembangan kajian BMB dalam konteks kontemporari.

Visualisasi jaringan ini mengelompokkan kata kunci yang digunakan dalam penyelidikan Bahasa Melayu Brunei - BMB (*Brunei Malay*) dengan kata kunci yang sering digunakan. Contoh pertama adalah dalam jadual 5 yang menunjukkan hubung kait BMB dengan 17 jenis bidang atau topik kajian yang berlainan secara langsung (*direct*) contohnya kaitan BMB dengan *Ethnic Diversity*, *Dialect*, *Language Shift*, *Standard Malay*, *linguistic* dan lain-lain.

Contoh kedua adalah dalam jadual 6 iaitu hubung kait BMB dengan bidang topik kajian yang berlainan secara langsung (*direct*) dan tidak langsung (*indirect*) contohnya: (1) hubung kait BMB - *Dialect - Indigenous Language - Dusun - Indigenous People*, dan (2) hubung kait BMB - *Brunei English - Language Policy - National Language - Language Planning*. Terdapat lebih dari 38 kata kunci telah dikenal pasti dalam rajah tersebut termasuk "*indigenous people*," "*Translation*," dan "*National Language*."




Rajah 7: Visualisasi topik VOSviewer menggunakan *Overlay Visualization*

Rajah 7 di atas menunjukkan Mod *Overlay visualization* tentang penyelidikan terbaru yang berkaitan dengan BMB adalah dalam tahun 2017 dan puncaknya pada tahun 2019. Penyelidikan tersebut berkaitan dengan *lingua franca*, *Language choice*, *language policy*, *Brunei English*, *language shift*, *standard Malay*, *Iban*, *Kedayan*, *Belait*, *Dusun* dan sebagainya.

Overlay visualization membantu penyelidik mengenal pasti corak, hubungan, dan trend yang mungkin tidak jelas dalam visualisasi asas. Ia membolehkan penerokaan data dimensional, penemuan korelasi dan ketergantungan yang tersembunyi, (Ding & Yang, 2020; Moosa & Shareefa, 2020; N. J. Van Eck & Waltman, 2013). Dengan menyajikan lapisan-lapisan maklumat secara serentak, overlay visualisasi

memungkinkan pemahaman data yang lebih menyeluruh, memudahkan pengambilan keputusan yang berinformasi dan interpretasi yang bermakna.




Rajah 8: Visualisasi Tajuk VOSviewer Menggunakan *Density Visualization*


Rajah 8 di atas menunjukkan Mod *density visualization* tentang penyelidikan yang berkaitan dengan BMB. Antara kata kunci yang mempunyai hubungan adalah seperti *lingua franca*, *Language choice*, *language policy*, *Brunei English*, *language shift*, *standard Malay*, *Iban*, *Kedayan*, dan *Belait*. Kata kunci tersebut ditanda dengan warna kuning terang. Semakin terang warna tersebut bererti semakin banyak penyelidikan yang berkaitan. Manakala, penyelidikan yang masih sedikit adalah seperti *Dusun*, *indigenous people*, *indigenous language*, *ethnic diversity* mempunyai warna yang tidak terang. Jesteru ini menandakan terdapat peluang baik kepada para penyelidik untuk membuat kajian baru terhadap bidang atau tajuk-tajuk berkenaan.

Jaringan Penulis


Visualisasi data jaringan penulis menggunakan VOSviewer adalah teknik yang digunakan untuk menganalisis dan memvisualisasikan hubungan antara penulis berdasarkan keterkaitan penerbitan, (Sood et al., 2021; N. J. Van Eck & Waltman, 2013).



Rajah 9. Visualisasi Jaringan Penulis Menggunakan *Network Visualization*)



Rajah 10: Visualisasi Jaringan Penulis Menggunakan *Overlay Visualization*



Rajah 11: Visualisasi Jaringan Penulis VOSviewer Menggunakan *Density Visualization*

Rajah 9, rajah 10 dan Rajah 11 menunjukkan visualisasi Jaringan Penulis VOSviewer menggunakan *Network Visualization*, *Overlay Visualization* dan *Density Visualization*. Hasil analisis mendapati penulis yang banyak melakukan penerbitan adalah Deterding, McLellan, Chin, Haji Othman, Mohd Daud dan Noorashid. Semua penulis-penulis tersebut memiliki kolaborasi penyelidikan antara satu dengan yang lain. Contohnya McLellan pernah bekerja sama dengan Deterding, Haji-Othman dan Noorashid.

Visualisasi jaringan penulis ini berpotensi untuk memberikan kefahaman pola kerjasama atau kolaborasi dan interaksi di antara penulis-penulis dalam bidang kajian BMB. Para peneliti akan dapat melihat sejauh mana para penulis terhubung, corak penyelidikan sama ada secara berkumpulan atau individu dan sejauh mana hubungan mereka.

Dalam visualisasi jaringan penulis dengan VOSviewer, penulis biasanya diberi atribut seperti ukuran atau warna yang mencerminkan jumlah penerbitan atau kepentingan penulis tersebut. Oleh itu peneliti akan dapat mengenal pasti penulis yang memiliki sumbangan yang signifikan atau penulis yang memiliki peranan yang lebih utama dalam jaringan kerjasama mereka. Melalui visualisasi ini, para peneliti akan dapat memahami struktur dan kedinamikan kolaborasi dalam bidang penyelidikan tertentu. Dengan adanya visualisasi ini kelompok-kelompok penulis yang saling berkait rapat, penulis yang menjadi pengantara atau trend kolaborasi dalam bidang BMB akan dapat dijumpai serta difahami.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan menganalisis trend kajian BMB dalam satu dekad terakhir menggunakan pendekatan analisis bibliometrik. Dalam hal ini, analisis bibliometrik digunakan terhadap artikel-artikel dari bidang BMB yang terdapat dalam pangkalan data Scopus. Pada tanggal 08 Mei 2023, sejumlah 482 artikel ditemukan dalam pangkalan data tersebut. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam jumlah penerbitan mengenai BMB dari tahun 2013 hingga 2022. Brunei Darussalam menjadi negara dengan

sumbangan penerbitan terbanyak. Kata kunci “Melayu Brunei” dan “English Brunei” merupakan bidang yang paling banyak dibincangkan dalam kajian tersebut.

Dalam analisis menggunakan VOSviewer, dilakukan pemetaan bibliometrik untuk mengenal pasti jumlah artikel yang telah diterbitkan mengenai BMB dan hubungannya dengan bidang topik. Analisis ini memberikan wawasan tentang trend penyelidikan dalam bidang BMB, seperti kata kunci yang paling sering digunakan, tema-tema penyelidikan yang dominan, dan penerbitan serta jaringan penulis.

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam pemahaman dan pemantauan perkembangan kajian BMB dalam konteks masa kini. Dengan menggunakan pendekatan bibliometrik, kajian ini mengenal pasti trend penyelidikan, penulis, institusi, dan kata kunci yang paling relevan dalam bidang BMB. Hasil kajian ini dapat menjadi titik rujukan bagi kajian lanjut yang berkaitan dengan BMB dan memberikan sumbangan penting dalam memahami dan memantau perkembangan kajian Bahasa Melayu Brunei dalam konteks masa kini. Selain itu, hasil kajian ini juga memiliki implikasi penting dalam pengembangan hala tuju kebijakan untuk mendukung penyelidikan lebih lanjut dalam BMB.

RUJUKAN

- Chuchu, J. (2000). *Morphology of Brunei Malay*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Deterding, D., & Athirah, I. (2017). Brunei Malay. *Journal of the International Phonetic Association*, 47(1), 99–108.
- Deterding, D., & Ho, H. M. Y. (2021). An overview of the language, literature and culture of Brunei Darussalam. *Engaging Modern Brunei: Research on Language, Literature, and Culture*, 1–17.
- Effendi, D. N., Anggraini, W., Jatmiko, A., Rahmayanti, H., Ichsan, I. Z., & Rahman, M. M. (2021). Bibliometric analysis of scientific literacy using VOS viewer: Analysis of science education. *Journal of Physics: Conference Series*, 1796(1), 12096.
- Falagas, M. E., Pitsouni, E. I., Malietzis, G. A., & Pappas, G. (2008). Comparison of PubMed, Scopus, web of science, and Google scholar: strengths and weaknesses. *The FASEB Journal*, 22(2), 338–342.
- Haji-Othman, N. A., McLellan, J., & Deterding, D. (2016). The use and status of language in brunei Darussalam: A Kingdom of unexpected linguistic diversity. In *The Use and Status of Language in Brunei Darussalam: A Kingdom of Unexpected Linguistic Diversity* (Issue March). <https://doi.org/10.1007/978-981-10-0853-5>
- Haji-Othman, N. A., McLellan, J., & Jones, G. M. (2019). Language policy and practice in Brunei Darussalam. In *The Routledge international handbook of language education policy in Asia* (pp. 314–325). Routledge.
- Hamidah, I., Sriyono, S., & Hudha, M. N. (2020). A Bibliometric analysis of Covid-19 research using VOSviewer. *Indonesian Journal of Science and Technology*, 34–41.
- McLellan, J., Haji-Othman, N. A., & Deterding, D. (2016). The language situation in Brunei Darussalam. ... *Use and Status of Language in ...* https://doi.org/10.1007/978-981-10-0853-5_2
- Noorashid, N. (2021). Vitaliti Semasa Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 28(2).
- Sun, Y., Wang, G., & Feng, H. (2021). Linguistic Studies on Social Media: A Bibliometric Analysis. *SAGE Open*, 11(3). <https://doi.org/10.1177/21582440211047572>
- Tober, M. (2011). PubMed, ScienceDirect, Scopus or Google Scholar—Which is the best search engine for an effective literature research in laser medicine? *Medical Laser Application*, 26(3), 139–144.
- Van Eck, N. J., & Waltman, L. (2013). VOSviewer manual. *Leiden: Univeriteit Leiden*, 1(1), 1–53.
- Van Eck, N., & Waltman, L. (2010). Software survey: VOSviewer, a computer program for bibliometric mapping. *Scientometrics*, 84(2), 523–538.
- Yaqin, L.N., (2023). Metodologi Kajian Kualitatif: Plus Publish or Perish & VOSviewer. *Lombok. Universitas Gunung Rinjani*.
- Yusof, M. N. M., & Mahali, S. N. H. (2019). Pengaruh Bahasa Melayu dalam Bahasa Dusun Brunei. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 96–116.
- Yusof, N., Huszka, B., Alas, Y., Prayitno, H. J., & Sintian, M. (2023). “At Lost for Words”: A Case Study on the Dialect Vocabulary Knowledge among Bruneian Youths in a Higher Institute of Education. *LingPoet: Journal of Linguistics and Literary Research*, 4(2), 91–104.